



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

KENYATAAN MEDIA

**PINDAAN SILING GAJI CARUMAN PERKESO DI BAWAH
AKTA KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA 1969 [AKTA 4] DAN
AKTA SISTEM INSURANS PEKERJAAN 2017 [AKTA 800]**

PARLIMEN - Dewan Rakyat pada hari ini telah meluluskan pindaan berkaitan peningkatan siling gaji caruman orang yang diinsuranskan daripada RM5,000 kepada RM6,000 di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 [Akta 4] dan Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 [Akta 800].

Menteri Sumber Manusia, Steven Sim Chee Keong ketika membentangkan Rang Undang-Undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 2024 dan Rang Undang-Undang Sistem Insurans Pekerjaan (Pindaan) 2024 untuk bacaan kali kedua berkata kenaikan siling gaji ini akan mewujudkan caruman yang baharu dari kalangan pekerja dalam lingkungan gaji bulanan dari RM5,000 hingga RM6,000. Ini akan merapatkan jurang pengagihan caruman dengan mengekalkan kemampuan dana berasaskan caruman pekerja yang bergaji lebih besar dapat menampung bayaran faedah kepada pekerja yang bergaji lebih rendah. Pindaan ini juga turut dibuat mengambil kira kenaikan kos sara hidup, unjuran inflasi negara dan pendapatan garis kemiskinan semasa.

Selain itu, peningkatan siling ini akan menambah baik perlindungan faedah-faedah di bawah Akta 4 seperti Faedah Hilang Upaya Sementara, Faedah Hilang Upaya Kekal, Pencen Ilat dan Pencen Penakat dan di bawah Akta 800 seperti Elaun Mencari Pekerjaan dan Elaun Bekerja Semula Awal dengan anggaran kenaikan bayaran faedah sebanyak 20.2 peratus yang akan memberi manfaat kepada 1.45 juta pekerja dan orang tanggungan mereka.

Seramai 21 Ahli Parlimen daripada blok kerajaan dan pembangkang telah mengambil bahagian membahaskan Rang Undang-Undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 2024 dan 18 Ahli Parlimen telah membahaskan Rang Undang-Undang Sistem Insurans Pekerjaan (Pindaan) 2024. Ahli Parlimen yang berbahas di bawah kedua-dua Rang Undang-Undang ini telah menyatakan persetujuan ke atas peningkatan siling gaji ini dan turut menyentuh aspek berkenaan memperkasakan penguatkuasaan ke atas majikan yang culas, implikasi kos kepada majikan, keperluan kempen kesedaran berkenaan kepentingan caruman PERKESO, pewujudan sistem mesra pencarum dan sebagainya.

YB Steven Sim turut memaklumkan peningkatan siling gaji ini merupakan salah satu usaha Kerajaan ke arah memperkasakan jaringan perlindungan sosial dan memacu reformasi pasaran buruh negara.

**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
25 JUN 2024**